

## UMP terokai peluang kerjasama dengan University of Houston Amerika Syarikat



Amerika Syarikat, 9 Februari – Universiti Malaysia Pahang (UMP) bakal menjalinkan kerjasama dengan University of Houston (UH) yang merupakan salah satu universiti terkemuka di Amerika Syarikat yang menawarkan program-program teknologi kejuruteraan.

Baru-baru ini UMP mengadakan pertemuan dengan pihak UH bagi membuka jalan ke arah kerjasama terbaru di dalam program-program seperti petroleum, elektrik dan sistem komputer. Delegasi yang diketuai Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim turut disertai Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Professor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff, Ketua Timbalan Pendaftar Kanan, Jabatan Penyelidikan dan Inovasi, Datin Fazia Ali, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTEK), Professor Dr. Zularisam Ab Wahid, Profesor dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli, Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Penolong Pendaftar FTEK, Emma Melati Burhanuddin.

"Pertemuan ini membincangkan program-program yang dapat memberi nilai tambah kepada para siswazah fakulti di samping mengenalpasti kerjasama dengan UH bagi mempertingkatkan nilai kebolehpasaran program-program baru yang bakal ditawarkan di FTEK," katanya.



Tambah Dato' Dr. Daing, kunjungan ini dimanfaatkan apabila kedua-dua pihak telahpun sepakat untuk menjalinkan kerjasama dan Memorandum Persefahaman (MoU) bakal ditandatangani sekitar bulan Mei ini. Malahan perbincangan lanjut perlu diadakan bagi merealisasikan hasrat ini.

Antara yang hadir dalam sesi perbincangan adalah Dekan College of Technology, Professor Dr. William Fitzgibbon, Pembantu Dekan (Hal Ehwal Akademik dan Operasi), Professor Dr. Heidar A. Malki, Pembantu Dekan (Penyelidikan dan Pengajian Siswazah), Professor Dr. Rupa Iyer dan Ketua Jabatan Teknologi Kejuruteraan, Professor Dr. Wajiha Shireen.

Turut sama hadir dalam perbincangan berkaitan kerjasama ini adalah Ketua Jabatan Pengurusan Pembinaan, Professor Dr. Neil Eldin, Ketua Jabatan Teknologi Informasi dan Logistik, Professor Dr. Raymond Cline, Ketua Jabatan Pembangunan Manusia dan Sains Pengguna, Professor Dr. Marcella Norwood dan Naib Provost Global Strategies and Studies, Dr. Jaime Ortiz.



**Disediakan oleh Emma Melati Burhanuddin dan Nurul Nadia Nor Hamran dari Fakulti Teknologi Kejuruteraan serta suntingan oleh Unit Perhubungan Awam, Bahagian Komunikasi Korporat PNC.**

Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 09-03-2015, 10:03:48